



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	MUKA SURAT	:	30
TARIKH	:	31/10/2019			
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Masuk hutan tanpa permit

32 pengunjung beriadah di Hutan Simpan Berkelah ditahan

NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

JERANTUT

Seramai 32 pengunjung termasuk tujuh wanita yang sedang beriadah dan memancing di Hutan Simpan Berkelah ditahan kerana memasuki kawasan hutan simpan itu tanpa kebenaran Isnin lalu.

Semua individu berusia 23 hingga 51 tahun itu memberi alasan tidak tahu bahawa mereka perlu mendapatkan surat kebenaran atau permit khas untuk masuk ke kawasan berkenaan sempena Operasi Deepavali yang dilancarkan di daerah itu selama dua hari berakhir Isnin lalu.

Pegawai Pejabat Hutan Daerah Jerantut, Mohd Zarin Ramlan berkata, dalam operasi memabihkan anggota Unit Penguat kuasa Pahang Barat Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, pihaknya turut menyita 11 kenderaan pacuan empat roda dan sebuah bot gentian kaca selain beberapa

peralatan menangkap ikan.

Menurutnya, turut disita dapur dan tong gas serta empat unit pemotong kayu bergergaji yang dipercayai digunakan untuk memotong kayu bagi mendirikan khemah termasuk 12 unit tempat tidur.

"Kita dapati pengunjung ini terbahagi kepada beberapa kumpulan dan mereka masuk ke kawasan hutan simpan berkenaan untuk beriadah bersama ahli keluarga sambil menangkap ikan di Sungai Tesong dan anak Sungai Tekai," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd Zarin berkata, individu yang ditahan itu ter-

diri daripada peneroka Fel-da Lepar Uara dan ada juga yang datang dari Temerloh, Kuala Lumpur dan Selangor.

"Operasi Deepavali ini kali pertama dilakukan dalam hutan simpan ini dan ia dilakukan susulan laporan semakan ramai individu masuk dan berada dalam hutan simpan ini tanpa permit," katanya.

Beliau berkata, mana-mana individu memasuki kawasan hutan simpan tanpa permit menjadi kesalahan mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara (APN) 1984 yang jika disabit kesalahan boleh didenda RM10,000 atau penjara tiga tahun.



Mohd Zarin (kanan) memeriksa pacuan empat roda yang disita selepas pemiliknya ditahan kerana berada dalam Hutan Simpan Berkelah tanpa permit.